

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 08 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] MINTA
MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan adakah Kerajaan bercadang
untuk melaksanakan Jaringan Keselamatan Sosial di bawah PERKESO
ke atas pekerja-pekerja gig *e-hailing* dan *p-hailing*.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui PERKESO sememangnya telah melaksanakan perlindungan keselamatan sosial ke atas individu yang menjalankan pekerjaan sendiri (*self-employed*) di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2017.

Melalui akta ini, mana-mana pekerja yang menjalankan pekerjaan sendiri (*self-employed*) termasuklah pekerja gig *e-hailing* dan *p-hailing* dilindungi di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dan adalah layak menerima faedah Skim Bencana Pekerjaan yang terdiri daripada:

- i. Faedah Perubatan;
- ii. Faedah Hilang Upaya Sementara;
- iii. Faedah Hilang Upaya Kekal;
- iv. Faedah Orang Tanggungan;
- v. Elaun Layanan Sentiasa;
- vi. Faedah Pengurusan Mayat;
- vii. Faedah Pemulihan Jasmani / Vokasional; dan
- viii. Faedah Pendidikan.

Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat bagi memperluaskan Jaringan Keselamatan Sosial di bawah PERKESO ke atas pekerja-pekerja gig *e-hailing* dan *p-hailing*, Kerajaan akan melihat kebolehlaksanaan penyediaan manfaat faedah berbentuk penggantian pendapatan (*replacement of income*) kepada Orang Bekerja Sendiri yang terkesan akibat kehilangan pendapatan (*loss of income*) disebabkan oleh pengurangan keperluan perkhidmatan ekonomi gig.